

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Hasil penyelidikan angkasawan Mei

13. Apr 2008

Berita Minggu

Nasional

342946

2476000

Language

MALAY

Page No

9

Article Size

198 cm2

Frequency

Daily

Color

Full Color



Hasil penyelidikan angkasawan Mei

Saintis dapati kajian awal memuaskan: Muszaphar

Oleh Nurhasyima Hasim

KUALA LUMPUR: Hasil penyelidikan mengenai sel barah, protein kristal dan bakteria yang dilakukan angkasawan pertama negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) akan diumumkan, Mei ini.

Dr Sheikh Muszaphar berkata, saintis Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mengendalikan penyelidikan itu kini berada di Jepun dan beliau sudah dimaklumkan bahawa sel itu bercambah dengan amat baik.

"Saya harap dalam masa terdekat ini, saintis ini dapat menunjukkan hasil kajian mereka dan seterusnya dimanfaatkan bukan saja kita malah seluruh dunia.

"Perkembangan kajian bagi protein kristal, sel barah dan bakteria

adalah menakjubkan kerana semuanya masih bercambah dengan baik walaupun sebelum ini angkasawan mengalami pendaratan balistik ketika pendaratan ke bumi," katanya pada sidang media selepas berkongsi pengalaman beliau sebagai angkasawan di Fiesta Ulang Tahun Ke-10 Universiti Tun Abdul Razak (Unitar) di sini, semalam.

Hadir sama Presiden dan Naib Canselor Unitar, Datuk Prof Dr Md

“Saya berharap dapat menerbitkan keputusan eksperimen itu”

Dr Sheikh Muszaphar Shukor
Angkasawan pertama negara

Zabid Abdul Rashid.

Dr Sheikh Muszaphar berkata, selain UPM, saintis Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaya (UM) turut terlibat dalam kerjasama penyelidikan itu.

Beliau berkata, sidang media khas mengenai hasil penyelidikan itu akan diadakan sebaik semua butiran kajian itu diperoleh.

"Saya berharap dapat menerbitkan keputusan eksperimen itu nanti pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Itu keutamaan saya," katanya.

Dalam pada itu, Dr Sheikh Muszaphar meminta kerajaan merangka program khusus untuk kanak-kanak dan remaja yang berminat dalam sains dan matematik serta seterusnya mendorong mereka memilih kerjaya angkasawan apabila dewasa.